

**Chin Peng: Karpal mahu kerajaan lebih bertimbang rasa**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 17 , 2013**  
**Oleh V Anbalagan, Penolong Pengarang Berita**

Pengerusi DAP, Karpal Singh berkata, kerajaan harus membenarkan abu Chin Peng (gambar) ditanam di kampungnya di Sitiawan, Perak.

"Kerajaan harus bertimbang rasa dalam isu ini kerana Chin Peng tidak pernah kembali semasa hayatnya," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang tidak menerima permohonan ahli keluarga Chin Peng untuk menghantar mayatnya ke Malaysia.

Chin Peng yang mencecah usia 90 tahun bulan hadapan meninggal dunia di Hospital Bangkok pagi semalam.

Karpal berkata, apabila seseorang meninggal dunia, sejarah lalunya tidak lagi relevan.

Katanya, sejarah jelas membuktikan Chin Peng dilahirkan di Sitiawan meskipun beliau kehilangan sijil kelahiran sewaktu lari daripada penjajahan British.

"Chin Peng memang dilahirkan di Sitiawan dan tiada kecurigaan berhubung hal itu. Ini boleh dibuktikan dengan rekod dan saksi oleh rakan serta ahli keluarganya," katanya kepada wartawan selepas menghadiri perbincangan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya.

Karpal berkata, ahli politik, ahli sejarah dan individu melihat Chin Peng daripada sudut berbeza-beza tetapi tidak boleh menafikan sumbangannya terhadap mempercepatkan proses kemerdekaan negara.

"Dia menentang Jepun dan British," katanya.

Beliau berkata, Chin Peng hanya mahu Tunku Abdul Rahman mengiktiraf Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai entiti sah tetapi ditolak semasa Rundingan Baling 1955.

Beliau turut menyesali kerajaan tidak menunaikan janjinya semasa rundingan tersebut seperti membenarkan ahli PKM pulang ke kampung halaman sebagai balasan genjatan senjata.

"Pelanggaran perjanjian tersebut memberi implikasi besar di mata masyarakat antarabangsa," katanya. – 17 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/chin-peng-karpal-mahu-kerajaan-lebih-bertimbang-rasa>

